



## KEMENTERIAN EKONOMI

### KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSAL*

Pelawaan ini terbuka kepada syarikat tempatan yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	SYARAT PENYERTAAN PELAWAAN	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN PELAWAAN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN PELAWAAN DIJUAL	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU PELAWAAN DITUTUP
1.	<p>No. Tawaran : EPU(BEQT).RFP.3/2023</p> <p><i>REQUEST FOR PROPOSAL</i> BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN 4,900 UNIT MESIN LAYAN DIRI (<i>VENDING</i> <i>MACHINE</i>) SELAMA 24 BULAN BAGI PELAKSANAAN INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT (IPR) INISIATIF USAHAWAN MAKANAN (INSAN) DI KEMENTERIAN EKONOMI</p>	<p>Berdaftar dengan:</p> <p>Kementerian Kewangan Malaysia</p> <p>Kod Bidang :</p> <p>220201 Perkhidmatan/ Penyelenggaraan/ Pembaikan Mesin/ Perabot Kerajaan/ Kediaman/ Mesin-Mesin Pejabat/ Kediaman</p>	<p>Tarikh Dijual :</p> <p>06 Jun 2023 hingga 26 Jun 2023</p> <p>Waktu:</p> <p>9.00 Pagi - 12.30 Tengah Hari 2.30 - 4.00 Petang (Isnin - Khamis)</p> <p>9.00 - 11.00 Pagi 3.00 - 4.00 Petang (Jumaat)</p>	<p>Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan Kementerian Ekonomi Aras 7, Menara Prisma No. 26 Persiaran Perdana Presint 3 62675 PUTRAJAYA</p> <p>Harga Dokumen Pelawaan (Dokumen dijual dalam bentuk <i>soft copy</i>) : RM1,000.00</p>	<p>Tarikh Tutup :</p> <p>30 Jun 2023</p> <p>Waktu :</p> <p>12.00 tengah hari</p> <p>Tempat :</p> <p>Peti Tender 1 Kementerian Ekonomi Aras Bawah (Ground Floor) Menara Prisma No. 26 Persiaran Perdana Presint 3 62675 PUTRAJAYA</p>

1. Syarikat yang ingin menyertai pelawaan ini hendaklah berdaftar dengan syarat yang tersebut di atas dan naskah meja tawaran boleh disemak di **Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Kementerian Ekonomi, Aras 7, Menara Prisma, No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 PUTRAJAYA** pada waktu pejabat.
2. Syarikat yang layak dan memenuhi syarat kelayakan pelawaan seperti di atas sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Pelawaan *Request For Proposal*.
3. Hanya penama yang ditauliahkan dalam sijil pendaftaran seperti dalam syarat penyertaan pelawaan sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Pelawaan *Request For Proposal*. Sila bawa bersama **sijil pendaftaran asal** seperti di syarat penyertaan pelawaan **berserta salinan-salinannya**. (salinan sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang disertakan tidak akan dikembalikan). Wakil syarikat **tidak dibenarkan** untuk membeli dokumen pelawaan dan **sebarang surat perwakilan tidak akan dipertimbangkan**.

4. Syarikat yang ingin memasuki pelawaan dikehendaki mengemukakan **Kiriman Wang (Money Order)/ Bank Draf** berharga seperti di atas yang dibuat atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA – ME – T** sebagai bayaran Dokumen Pelawaan *Request For Proposal* (Dokumen dijual dalam bentuk *soft copy*). Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.
5. Dokumen Pelawaan *Request For Proposal* tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas.
6. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan Kementerian tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.
7. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan **ditandakan “Cadangan Teknikal“ dan “Cadangan Kewangan”** di **sebelah kiri setiap sampul surat** berkenaan dan dialamatkan kepada :-

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN EKONOMI  
ARAS 7, MENARA PRISMA  
NO. 26 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 3  
62675 PUTRAJAYA  
(U.P: BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN)**